



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“BELIA PEWARIS NEGARA BANGSA”

19 Mei 2023 / 28 Syawal 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan memperteguhkan iman serta amal soleh, melaksanakan segala perintah dengan hati yang ikhlas, meninggalkan semua larangan Nya dengan jiwa yang patuh, melazimi sifat-sifat mahmudah yang dicintai Allah serta menjauhi sifat-sifat mazmumah yang dimurkai Nya. Mudah-mudahan kita dihimpunkan di hadapan Allah SWT dengan membawa *qalibun salim* (hati yang sejahtera) dan bekalan amal yang diterima. Sempena Hari Belia Negara yang disambut pada 15 Mei setiap tahun, mimbar pada hari ini akan memperdengarkan khutbah bertajuk; **“BELIA PEWARIS NEGARA BANGSA”**

Ungkapan “Belia: harapan bangsa dan negara” sering kali diucapkan. Secara umumnya, belia merujuk kepada mereka yang berusia antara 15 hingga 30 tahun. Berdasarkan perangkaan tahun 2023, sembilan perpuluhan satu (9.1) juta orang, menyamai satu pertiga penduduk negara ini yang berjumlah 33.2 juta orang, berada dalam usia 15 hingga 30 tahun. Oleh itu, belia bukanlah golongan yang boleh dipinggirkan. Sesungguhnya belia hari ini ialah penyambung warisan kepimpinan negara, kerana itu mereka perlu dilibatkan secara langsung – secara aktif dalam urusan dan agenda pembangunan negara.

Para belia lazimnya memiliki sifat-sifat sedia menerima pemikiran baharu, sedia melakukan pengembaraan sama ada secara pemikiran begitu juga secara fizikal,

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



bersifat segar lagi dinamik, berani mengambil risiko, berani meneroka dunia baharu, berani melakukan pelbagai percubaan, serta berani keluar daripada kepompong kehidupan dan kaedah kerja yang dianggap statik, usang, kuno dan jumud.

Orang muda bersedia menerima pembaharuan dan berani melakukan perubahan seperti yang digambarkan dalam firman Allah SWT:

﴿فَمَا آمَنَ لِمُوسَىٰ إِلَّا ذُرِّيَّةٌ مِّن قَوْمِهِ عَلَىٰ خَوْفٍ مِّن فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِمْ أَن يَفْتِنَهُمْ وَإِنَّ فِرْعَوْنَ لَعَالٍ
فِي الْأَرْضِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الْمُسْرِفِينَ ﴿٨٣﴾﴾

Bermaksud: Maka tidak ada yang beriman kepada Musa melainkan sebilangan kecil (pemuda-pemuda) daripada kaumnya, sekalipun dalam keadaan takut bahawa Firaun dan pembesar-pembesar kaumnya akan menyeksa mereka; sesungguhnya Firaun itu bermaharajalela di muka bumi. (Surah Yunus ayat 83)

Demikian juga firman Allah dalam ayat 13 Surah al-Kahfi:

﴿لَمَّا نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾﴾

Bermaksud: Kami ceritakan kisah mereka kepadamu (wahai Muhammad) dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itulah pemuda-pemuda yang beriman dengan Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka hidayah petunjuk.

Kisah Ashabul Kahfi, menceritakan beberapa orang pemuda yang beriman. Mereka melarikan diri berlindung di dalam gua untuk beribadat kepada Allah Yang Maha Esa, sambil berdoa, semoga mereka diberi hidayah petunjuk dan beroleh keselamatan daripada raja yang menindas orang-orang yang beriman. Kisah yang berlaku ini, memperingatkan bahawa anak muda lebih bersedia menerima kebenaran dan lebih berani melakukan perubahan. Hakikat ini bertambah jelas apabila terbukti semasa Nabi SAW menyebarkan Islam, para pemuda yang terdiri daripada Sayidina Umar RA (berusia 28 tahun), Sayidina Ali Karamallahu Wajhah (berusia 10 tahun), Jaafar bin Abi Talib (berusia 18 tahun), Qudhamah bin Mazu'un (berusia 19 tahun), dan Abdullah bin Mas'ud (berusia 18 tahun), merupakan barisan yang mula-mula beriman kepada Allah SWT dan kumpulan penggerak yang berada di barisan hadapan menjulang panji-panji Islam.



Sayidina Ali Karramallahu Wajhah mengungkapkan, “Jika kamu ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda-pemudinya pada hari ini”. Kata-kata tersebut menunjukkan bahawa jatuh bangunnya sesebuah negara terletak di tangan pemuda masa kini kerana mereka merupakan waris kepimpinan negara pada masa akan datang

Para jemaah yang dirahmati Allah,

Belia ialah khazanah dan mutiara yang bernilai kepada negara. Pada hakikatnya, sebahagian besar peranan dan tanggungjawab membangunkan negara telah dilunasi oleh para belia, melalui penguasaan ilmu pengetahuan dan pembentukan kemahiran diri. Namun perlu disedari, kecerdasan akal dan kekuatan fizikal amat penting untuk menjamin keupayaan sesuatu bangsa kekal berdaya saing. Oleh itu, aspek kesihatan mental dan fizikal hendaklah diberikan keutamaan dalam kehidupan seharian para belia. Para belia hendaklah mengamalkan gaya hidup berdisiplin, mengamalkan pemakanan yang sihat, dan mengamalkan riadah secara harian, di samping memperkukuhkan jati diri agar selari dengan tuntutan agama dan budaya bangsa. Orang muda perlu memiliki nilai moral, akhlak dan peribadi yang unggul berlandaskan nilai-nilai murni Islam, serta berupaya membawa keharmonian ummah dan mengukuhkan hubungan persaudaraan.

Para belia hendaklah menggunakan kesempatan masa muda ini dengan sebaik-baiknya; berusaha melakukan kebaikan yang akan mempertemukan kalian dengan kejayaan dunia – kejayaan akhirat, serta mengerjakan amal bakti dan amal jariah yang boleh membawa manfaat kepada diri, ummah serta negara sebagaimana pesanan Nabi SAW:

إِغْتَنِمْ حَمْسًا قَبْلَ حَمْسٍ شَبَابِكَ قَبْلَ هَرَمِكَ وَصِحَّتِكَ قَبْلَ سَقَمِكَ وَغِنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ
وَفَرَاغِكَ قَبْلَ شُغْلِكَ وَحَيَاتِكَ قَبْلَ مَوْتِكَ

Bermaksud: “Rebutlah lima perkara sebelum datangnya lima perkara iaitu masa mudamu sebelum kamu tua, masa sihatmu sebelum kamu sakit, masa kayamu sebelum kamu miskin, masa lapangmu sebelum kamu sibuk, dan masa hidupmu sebelum kamu meninggal dunia.” (Hadis Riwayat Al-Hakim)



Dunia sedang menghadapi pelbagai krisis yang mempunyai kesan langsung terhadap kehidupan masa hadapan para belia. Krisis-krisis tersebut tercetus kerana dasar dan kegiatan yang dilakukan oleh para pemimpin hari semalam dan hari ini, antaranya krisis-krisis iklim, bencana alam, pencemaran alam, bekalan air dan bekalan makanan. Krisis yang paling menzalimi kehidupan para belia ialah krisis politik dan krisis kepimpinan yang mencetuskan persengketaan dan peperangan. Akibatnya ratusan juta orang belia terpaksa tinggal dalam khemah-khemah pelarian, menghadapi pengalaman ngeri, dinafikan peluang mengalami suasana persekolahan seperti yang dinikmati oleh anak-anak yang membesar di negara yang aman, apatah lagi peluang pendidikan tinggi sebagai keperluan untuk membina kerjaya yang cemerlang. Mereka yang sedang mengalami trauma dan kepahitan hidup di khemah-khemah pelarian turut dinafikan peluang untuk membangunkan keluarga bahagia secara yang diidamkan.

Para tetamu Allah yang dikasihi,

Lima perkara wajib diberikan perhatian demi menjamin kelestarian dan kebahagiaan masa hadapan para belia:

Pertama: memberi peluang suara mereka didengari agar hasrat hati dan impian mereka dapat diberikan perhatian, difahami dan dipenuhi.

Kedua: memikirkan kesan terhadap masa hadapan mereka dalam apa juga dasar dan program yang dilaksanakan pada hari ini, supaya mereka tidak akan menghadapi kesengsaraan menanggung beban dan hutang disebabkan sifat tamak dan nafsu haloba pemimpin hari ini.

Ketiga: menyediakan peluang pendidikan, latihan, kerjaya, perniagaan dan ekonomi yang saksama dan boleh dicapai oleh setiap anak muda.

Keempat: memastikan sumber-sumber alam tidak dimusnahkan dan nikmat daripada sumber-sumber alam akan terus dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Kelima: memastikan generasi muda mewarisi negara yang aman dan makmur yang mengamalkan budaya tadbir urus yang amanah, telus, berintegriti, dan bebas daripada rasuah dan amalan kronisme.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا دَائِمًا أَبَدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ
بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّئْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ
اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Kurniai belia kami jiwa yang kuat, iman yang teguh, akal yang cergas lagi bijaksana. Lindungi anak muda kami dari terjebak melakukan perkara yang mengundang kemurkaan Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكْرُكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.



جابتن أكام إسلام فیراق
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat
Seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan

Ruj. Kami: Bil (63) JAIPK/BPM/36/3 Jld 3
Tarikh : 25 Syawal 1444H
16 Mei 2023M

YBhg. Dato'/ Tuan,

**MOHON MENGADAKAN SOLAT HAJAT SELEPAS SOLAT JUMAAT UNTUK
MELINDUNGI DARI MUSIBAH KESAN CUACA TIDAK MENENTU**

Didoakan semoga YBhg. Dato'/ Tuan berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato'/ Tuan sedia maklum bahawa Negara Malaysia khususnya Negeri Perak berada dalam cuaca yang tidak menentu.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Agama Islam Perak menyarankan supaya masjid-masjid di seluruh Negeri Perak mengadakan **solat hajat selepas solat Jumaat pada 19hb Mei 2023** bagi mendoakan agar rakyat dilindungi dari segala musibah kesan dari cuaca tidak menentu ini.

4. Kerjasama daripada pihak YBhg Dato'/ Tuan amatlah dihargai dan diucapkan jazakumullahu khairan kathira.

Sekian, harap maklum.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI HARITH FADZILAH BIN ABDUL HALIM)

Pengarah,

Jabatan Agama Islam Perak

s.k. Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
Semua Orang Besar Jajahan
Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

"PERAK SEJAHTERA 2030"